

Headline	40 peratus peranti, aksesori telefon tanpa kelulusan SIRIM		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	11 Dec 2016	Color	Black/white
Section	News	Circulation	41,000
Page No	1	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	968 cm ²
Journalist	Rashiqah Ilmi Abd Rahim	AdValue	RM 2,978
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,935



'Bom jangka' dalam rumah

Suruhanjaya Tenaga dedahkan, 40 peratus perkakas elektrik rumah, aksesori telekomunikasi dalam pasaran tiada kelulusan SIRIM. Ia ibarat bom jangka yang boleh sebabkan litar pintas dan kebakaran → **MS.6**

EKSKLUSIF!



40 peratus peranti, aksesori telefon tanpa kelulusan SIRIM

➔ Tiada keseragaman prosedur kebenaran, kawal kemasukan punca barangan dijual secara meluas

Headline	40 peratus peranti, aksesori telefon tanpa kelulusan SIRIM		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	11 Dec 2016	Color	Black/white
Section	News	Circulation	41,000
Page No	1	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	968 cm ²
Journalist	Rashiqah Ilmi Abd Rahim	AdValue	RM 2,978
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,935

Oleh Rashiqah Ilmi Abd Rahim
rasyiqah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sekurang-kurangnya 40 peratus, perkakasan elektrik terutama peranti dan aksesori peralatan telekomunikasi dalam pasaran negara ini, dipercayai tidak mempunyai kelulusan dan mematuhi piawaian SIRIM.

Pengecas telefon bimbit yang mengalami litar pintas hingga meragut nyawa suri rumah pada April dan power bank' meletup mencederakan pemiliknya pada Ogos lalu, antara kemalangan berpunca daripada peralatan tanpa kelulusan SIRIM.

Malah, Suruhanjaya Tenaga menyifatkan penggunaan barangan elektrik termasuk aksesori telefon tanpa kelulusan SIRIM, ibarat bom jangka kerana berpotensi mencetuskan bahaya kepada pengguna.

Lambakan produk elektrik tanpa SIRIM dipercayai berpunca daripada tiada keseragaman prosedur kebenaran, mengawal kemasukan dan penjualan perkakasan elektrik terbabit, tetapi dijual meluas dan terbuka termasuk secara dalam talian serta menerusi sesawang sosial.

Keadaan itu juga dipercayai berlaku ekoran pertindihan tugas mengawal selia semua produk berkenaan, kerana setiap agensi kerajaan mempunyai bidang kuasa terhad.

Pengarah Penguatkuasaan dan Penyelarasan Kawasan Suruhanjaya Tenaga (ST), Othman Omar, berkata barangan elektrik tanpa kelulusan SIRIM, boleh mencetuskan bahaya kepada pengguna kerana tidak melalui ujian ketahanan dan keselamatan mengikut piawaian negara ini.

Ibarat bom jangka

"Barangan elektrik tanpa kelulusan SIRIM ini ibarat bom jangka kerana tidak tahu bila ia menyebabkan litar pintas. Jika peralatan tidak sesuai dengan saluran elektrik rumah, ia boleh menyebabkan fuis utama menyekat arus kepada seluruh premis.

"Contohnya, bagi pengecas telefon bimbit, jika ketebalan dan jenis wayar tidak sesuai dengan arus elektrik yang mampu ditampung, getah pem-

balutnya akan mencair dan menyebabkan mudah terbakar," katanya kepada BH.

Othman berkata, siasatan mendapati produk tiada kelulusan SIRIM dibawa masuk ke negara ini menerusi pelbagai cara dan helah.

Beliau berkata, siasatan pihaknya juga mendapati, ada perkakasan yang tertera logo SIRIM/ST masih tidak mematuhi piawaian, apabila disambung dengan komponen lain yang tiada kelulusan.

Katanya, ada juga produk dibawa masuk, ditampal dengan jenama terkemuka untuk melepasi pemeriksaan pihak berkuasa.

"Peranti telekomunikasi seperti kabel, telefon, telefon bimbit, radio, televisyen, komputer riba, tablet, mesin faks dan penerima televisyen satelit, pula berada di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

"Namun, aksesori seperti power bank masih tidak dikawal mana-mana badan kerajaan," katanya sambil menjelaskan yang ST hanya bertanggungjawab mengawal 34 jenis barangan elektrik seperti HS (peralatan rumah) dan pengecas alat (adapter).

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Mohd Roslan Mahyudin, mengakui pihaknya hanya berperanan memantau barangan elektrik yang mempunyai label SIRIM.

Beliau berkata, penguatkuasaan itu tidak termasuk tanggungjawab memastikan barangan elektrik yang dibawa dan dijual dalam pasaran negara ini mematuhi piawaian ditetapkan SIRIM.

"Setakat ini, kami hanya bertanggungjawab mengawal barangan mainan elektrik yang tidak mempunyai tanda keselamatan 'Malaysia Conformity' (MC) secara khusus.

Agensi ada tugas masing-masing Semakan dengan Jabatan Standards Malaysia (JSM) mendapati, KPDNKK, ST, SKMM dan Lembaga Pengu-


nan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), mempunyai tugas masing-masing dalam mengawal produk elektrik.

SIRIM pula adalah badan dilantik untuk pematuhan pensijilan dengan piawaian kod barangan elektrik.

Tinjauan BH di sekitar ibu kota mendapati aksesori telefon bimbit tanpa sebarang piawaian keselamatan, dijual secara bebas dan meluas, sama ada di kedai atau kaki lima.

Begitu juga dengan perkakasan elektrik seperti HS, WA (aksesori kabel), LT (lampu) dan AV (audio dan video) yang boleh didapati dalam pasaran pada harga rendah, kerana kebanyakannya diimport dari China hingga mendominasi pasaran kini.


SIRI KEDUA ESOK: 'Undang-Undang ada tetapi banyak agensi keliru'



Barang elektrik tanpa kelulusan SIRIM ini ibarat bom jangka kerana tidak tahu bila ia menyebabkan litar pintas"

Othman Omar,
Pegawai Penguatkuasaan dan Penyelarasan Kawasan Suruhanjaya Tenaga

Headline	40 peratus peranti, aksesori telefon tanpa kelulusan SIRIM		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	11 Dec 2016	Color	Black/white
Section	News	Circulation	41,000
Page No	1	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	968 cm ²
Journalist	Rashiqah Ilmi Abd Rahim	AdValue	RM 2,978
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,935



[FOTO RASHIQAH ILMI/BH]

Lambakan barangan elektrik tiruan dan tidak berkualiti yang berada di pasaran.



Headline	40 peratus peranti, aksesori telefon tanpa kelulusan SIRIM		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	11 Dec 2016	Color	Black/white
Section	News	Circulation	41,000
Page No	1	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	968 cm ²
Journalist	Rashiqah Ilmi Abd Rahim	AdValue	RM 2,978
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,935

Info

Agensi bertanggungjawab memantau dan mengawal barangan elektrik

Kelengkapan wajib patuhi Standards Malaysia

Agensi	<i>Penjanaan, Penghantaran dan Pengagihan Tenaga (ISC E)</i>	<i>Peralatan Perubatan dan Kemudahan untuk Penjagaan Kesihatan (ISC R)</i>	<i>Peralatan dan Aksesori Elektrik dan Elektronik (ISC S)</i>
Suruhanjaya Tenaga	74	1	91
KPDNKK			1
SKMM	7		
CIDB	3		
JBPM			1
Jumlah	84	1	93
		Keseluruhan	178

■ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepergunaan (KPDNKK)
 ■ Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
 ■ Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
 ■ Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)